

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima laporan polis sebanyak 43 laporan dan angka ini adalah termasuk satu laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Perkasa. Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Bagi menjawab soalan (b) pula, antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran perpaduan kaum di negara ini adalah melalui dua (2) cara iaitu kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan NGO-NGO dengan penganjuran program penerangan kepada masyarakat tentang pentingnya perpaduan seperti kempen-kempen kesedaran dan ceramah-ceramah. Manakala cara yang kedua

adalah melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada yang masih berkuatkuasa.

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dikecapi selama ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 12 JUN 2014

RUJUKAN :

SOALAN : 6864

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bagaimana Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dapat mengurangkan kadar jenayah dalam negara terutama jenayah berat serta apakah intipati POCA yang dapat menjamin kadar jenayah menurun; dan
- (b) statistik kadar jenayah setelah pelaksanaan Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras sebarang aktiviti jenayah dalam negara khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat dan jenayah terancang. Berdasarkan pindaan-pindaan yang telahpun dibuat terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pihak polis mengambil tindakan secara lebih efektif kepada penjenayah-penjenayah khususnya untuk jenayah berat dan jenayah terancang. Di dalam perkara ini, penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 adalah bagi membendung dan menyingkirkan sindiket-sindiket jenayah seperti :

- (i) penggunaan senjata api yang berleluasa;**
- (ii) kejadian pembunuhan menggunakan senjata api;**
- (iii) pergaduhan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan;**
- (iv) perebutan kawasan pengedaran dadah;**
- (v) mengutip wang perlindungan;**
- (vi) sindiket pelacuran; dan**
- (vii) sindiket perjudian.**

Antara intipati yang membuatkan Akta ini efisien dan efektif untuk menangani jenayah-jenayah yang saya nyatakan adalah dengan memperkenalkan beberapa peruntukkan baru seperti:

- (i) tahanan reman untuk siasatan oleh Majistret tidak melebihi 60 hari;**
- (ii) tahanan untuk tujuan pencegahan, pengawasan dan pemulihan tidak melebihi dua (2) tahun yang akan diputuskan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah;**
- (iii) pemasangan peranti “*Electronic Monitoring Device*” (EMD) kepada mereka yang diletakkan di bawah pengawasan polis; dan**
- (iv) pemerluasan penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 diperluas ke Sabah dan Sarawak.**

Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak undang-undang ini dikuatkuasakan pada 2 April 2014, pihak PDRM telah mula mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 dan kesan pelaksanaan undang-undang tersebut telah menampakkan penurunan keseluruhan jenayah indeks yang melibatkan jenayah kekerasan dan terancang telah menurun sebanyak 1.8 peratus.